

25 AUG 1997

GADEK JANGKA OPERASI BUKAN OPERASI AKAN SUMBANG LEBIH BAIK

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Gadek (Malaysia) Bhd jangka perniagaan bukan automotifnya akan menghasilkan pulangan lebih baik antara 25 dan 30 peratus kepada perolehan kumpulan pada masa depan.

"Pada masa ini, Hicom Holdings Bhd menyumbang 81 peratus kepada keuntungan kumpulan, tetapi kami harap operasi bukan automotif akan mencatat prestasi lebih baik kemudian," kata pengerusi Datuk Mohd Saleh Sulong selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini, hari ini.

Gadek mencatatkan kenaikan 369 peratus dalam keuntungan bagi kumpulan kepada RM354.7 juta atas kenaikan jualan sebanyak 159 peratus kepada RM1.9 bilion untuk tempoh 15 bulan berakhir 31 Mac, 1997.

Saleh berkata bagi tahun kewangan semasa, Gadek menjangkakan prestasi lebih baik bagi keuntungannya berikutan keputusan lebih baik yang dicapai dalam suku tahunan pertamanya.

Beliau berkata Gadek terlalu bergantung kepada Hicom, syarikat sekutu milik 32 peratusnya, sambil menambah bahawa Hicom memperolehi 85 peratus keuntungannya daripada operasi automotif.

Oleh itu, beliau harap untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi sumbangan operasi lain termasuk perkhidmatan kewangan melalui Gadek Capital Bhd.

Gadek Capital memiliki Credit Corporation (Malaysia) Bhd dan South East Asia Insurance Bhd (SEA Insurance).

Syarikat lain dalam penguasaan Gadek ialah Perspec Prime (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat pembinaan, Gamuda Asset Management Sdn Bhd, sebuah anak syarikat baru, dan sebuah usaha sama dengan Perancis, Clestra Hauserman (M) Sdn Bhd.

Mengenai SEA Insurance, Saleh berkata syarikat itu mempunyai rekod prestasi yang baik untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, kami tidak terburu-buru untuk itu," katanya sambil menambah bahawa cabang insuransnya itu layak untuk mendapat taraf Tahap-1.

Mengenai Perspec, Saleh berkata syarikat itu yang terlibat dalam projek Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Selatan, turut mempunyai beberapa projek dalam tangan. Tetapi beliau tidak memberikan butiran lanjut.

Saleh turut bersetuju dengan ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamed tentang perlunya bagi harga kereta Proton yang lebih berpatutan supaya ia dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa.

"Banyak yang perlu kami lakukan untuk mencapai sasaran itu," tambahnya.

Katanya syarikat telah melaksanakan usaha mengurangkan kos untuk menjadikan kereta Proton berdaya saing dalam pasaran eksport terutama berbanding dengan kereta keluaran Korea Selatan dan Jepun.

Beliau berkata kedudukan ringgit sekarang nampaknya mempunyai kesan negatif ke atas usaha pengurangan kos tetapi beliau berharap ia tidak akan kekal lama.

"Ada cara lain untuk mengurangkan kos kita, seperti mendapatkan bekalan daripada vendor tempatan dan melakukan penjimatan melalui operasi dalaman," tambahnya. -- BERNAMA

SHO SIA